

# ELEMEN KEBAHAGIAAN MENYUMBANG KEPADA KEPUASAN KERJA GURU PENDIDIKAN ISLAM WANITA

## THE ELEMENT OF HAPPINESS CONTRIBUTES TO JOB SATISFACTION OF WOMEN ISLAMIC EDUCATION TEACHERS

Zety Azlin Elias<sup>1</sup>  
Muhammad Talhah Ajmain@Jima'ain<sup>2</sup>  
Zilal Saari<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(E-mail: zety.azlin@yahoo.com)

<sup>2</sup>Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(E-mail: muhammadtalhah.j@utm.my)

<sup>3</sup>Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(E-mail: zilal@utm.my)

### Article history

**Received date** : 10-2-2025  
**Revised date** : 11-2-2025  
**Accepted date** : 19-3-2025  
**Published date** : 27-3-2025

### To cite this document:

Elias, Z. A., Ajmain @ Jima'ain, M. T., & Saari, Z. (2025). Elemen kebahagiaan menyumbang kepada kepuasan kerja guru Pendidikan Islam wanita. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 417- 430.

**Abstrak:** *Kebahagiaan manusia adalah merupakan sesuatu yang abstrak di mana definisi kebahagiaan berbeza bagi setiap individu. Kebahagiaan meliputi keriangian hati, kesenangan, kebanggaan hati dan kegembiraan, memiliki pemikiran yang positif, kesenangan dalaman yang kukuh dan psikologi yang seimbang. Merujuk kepada Konsep Kebahagiaan Al-Ghazali (1958), terdapat empat elemen utama untuk mencapai kebahagiaan iaitu kebijaksanaan, keberanian, pemeliharaan diri dan keseimbangan. Kepuasan kerja pula merupakan elemen psikologi bagi mencapai tahap kerja yang cemerlang, bermotivasi dan berprestasi tinggi. Ia juga menunjukkan sikap individu terhadap kerjaya. Dapatan kajian ini mendapati terdapat peratusan dan nilai skor min elemen kebahagiaan Guru Pendidikan Islam Wanita berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan elemen kebahagiaan sesuai diamalkan oleh GPI wanita di samping mendapatkan kepuasan dalam pekerjaan mereka. Hubungan yang signifikan juga diperolehi dalam kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang selari antara kebahagiaan dan kepuasan kerja.*

**Kata Kunci:** *Kebahagiaan, Wanita, Kepuasan Kerja, Pemeliharaan Diri*

**Abstract:** *Happiness is abstract where the definition of happiness varies for each individual. Happiness encompasses joy of heart, pleasure, pride, and delight, possessing positive thoughts, strong inner satisfaction, and balanced psychology. Referring to Al-Ghazali's Concept of Happiness (1958), there are four main elements to achieve happiness, namely wisdom, courage, self-preservation, and balance. Job satisfaction is also a psychological element to achieve a level of excellent work, motivation, and high performance. It also reflects an individual's attitude towards their career. The findings of this study indicate that the percentage*

*and mean score of the happiness elements of Female Islamic Education Teachers are at a high level. This shows that the elements of happiness are suitable for practice by female GPI while obtaining satisfaction in their work. A Significant relationships were also obtained in this study showing a parallel relationship between happiness and job satisfaction.*

**Keywords:** *Happiness, Women, Job Satisfaction, Self-Care.*

---

## Pendahuluan

Kebahagiaan atau *sa'adah* menurut pandangan Islam bermaksud mempunyai kehidupan yang baik, merasa puas, damai dan hidup yang positif (Ateerah dan Lukman, 2019 ; Kartini dan Effendi, 2020). Dalam al-Quran dan Sunnah terdapat panduan bagi memperoleh kebahagiaan contohnya melakukan perkara yang disukai dengan kerelaan sendiri yang akan menghasilkan jiwa yang tenang, melahirkan aura positif dalam jiwa individu, kehidupan yang lebih bermakna, bertujuan dan bermatlamat. Muslim yang beriman kepada penciptanya sudah pasti berusaha untuk mencapai kebahagiaan dalam kehidupannya. Keadaan ini termasuklah bagi mereka yang berkerjaya contohnya bekerja sebagai seorang guru, doktor, kakitangan kerajaan atau pelbagai jenis pekerjaan yang melibatkan matlamat yang sama iaitu kebahagiaan. Sebagai contoh, seorang guru yang memiliki tahap kebahagiaan yang baik dan tinggi, pasti akan memberi aura positif kepada pelajar dan persekitarannya (Erozkan.*et.al.*2016; Kartini dan Effendi, 2020). Ini menunjukkan terdapat kesinambungan diantara bidang pekerjaan dengan kebahagiaan dan agama walau apa jua jenis pekerjaan yang dilakukan.

Kajian ini dilakukan ke atas Guru Pendidikan Islam (GPI) wanita yang bertujuan untuk menjawab objektif kajian iaitu apakah elemen utama kebahagiaan GPI wanita menurut perspektif Islam, apakah faktor kepuasan kerja GPI wanita, adakah terdapat hubungan kebahagiaan terhadap kepuasan kerja GPI wanita, adakah elemen kebahagiaan boleh menjadi peramal kepada kepuasan kerja GPI wanita seterusnya pembinaan Indikator Kebahagiaan GPI wanita terhadap kepuasan kerja menurut perspektif Islam. Kajian dijalankan ke atas GPI wanita di dalam negeri Johor bagi mendapatkan jawapan bagi setiap persoalan kajian yang diajukan. Negeri Johor dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia mudah dimasuki di samping terdapat Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) di mana kebanyakan pelajar di negeri ini bersekolah agama dan sudah pasti mereka didedahkan dengan ilmu agama. Hal yang demikian terdapat persoalan adakah isu akhlak dalam kalangan mereka kerana salah satu dari pernyataan masalah dalam kajian ini adalah berkaitan dengan akhlak guru iaitu adakah akhlak guru selari dengan akhlak pelajar. Seorang guru yang memiliki tahap kebahagiaan yang baik dan tinggi, pasti akan memberi aura positif kepada pelajar dan persekitarannya (Erozkan et.al, 2016; Kartini dan Effendi, 2020). Guru mestilah menunjukkan personaliti yang baik dan terpuji untuk dijadikan contoh kepada pelajar mereka. Kerangka teoretikal kajian yang dibina dalam kajian ini adalah berasaskan gabungan Konsep Kebahagiaan Al-Ghazali (1958) dan Unsur Kebahagiaan (As-Saadah) Ibn Maskawayh (1952). Konsep Kebahagiaan Al-Ghazali (1958) terdiri dari empat elemen iaitu kebijaksanaan (*hikmah*), keberanian (*Syaja'ah*), pemeliharaan diri (*Iffah*) dan keseimbangan (*'Adalah*). Di samping itu sebagai seorang Muslim, sudah pasti Al-Quran dan Sunnah menjadi panduan utama untuk pembinaan elemen-elemen tersebut di samping melahirkan akhlak Muslim yang sempurna dan mantap.

Sebagaimana yang telah diperincikan oleh sarjana Islam, kebahagiaan itu adalah apabila seorang hamba itu mempunyai pertalian dan hubungan yang baik dengan tuhan-Nya, mengamalkan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Selain daripada itu, kebahagiaan menurut Islam secara umumnya adalah bersumberkan Al-Quran dan Sunnah bagi mendapatkan kerediaan Allah SWT tanpa mengeneppikan faktor lain seperti geografi, ras, bangsa, negara dan sebagainya. Seandainya seseorang itu mendapat redha SWT itu adalah kebahagiaan yang sebenarnya. Selain daripada itu, kepatuhan kepada hukum-hukum Allah SWT, berperikemanusiaan, mendapat ketenangan, mendapat rezeki yang mencukupi, keyakinan, keimanan dan kepercayaan yang kukuh kepada Allah SWT juga merupakan kebahagiaan sebenar dalam Islam. Bagi teori sarjana Barat, kebahagiaan menurut mereka adalah kesenangan, kejayaan, sesuatu yang bersifat luaran seperti hubungan sesama manusia, contohnya sekiranya mempunyai hubungan yang baik sesama manusia, mempunyai emosi yang stabil dan pekerjaan yang menyenangkan akan menghasilkan kebahagiaan. Selain daripada itu, Seligman (2002) menetapkan kebahagiaan ada tiga jenis iaitu kehidupan penuh dengan kesenangan (*pleasant life*), kehidupan yang selesa (*good life*) dan kehidupan yang bermakna (*meaningful life*). Perbezaannya dengan Islam ialah agama Islam lebih menitikberatkan ketenangan, kebahagiaan yang berbentuk spiritual dan bukan yang berbentuk material serta luaran sahaja. Pergantungan kepada redha Allah SWT merupakan matlamat utama bagi mendapatkan kebahagiaan tersebut.

Kajian yang telah dijalankan oleh Assaf, J., & Antoun, S (2024) ke atas 297 orang guru sekolah dari sekolah awam dan swasta bagi mendapatkan tahap kebahagiaan (*well being*) dan kepuasan kerja dalam kalangan mereka. Kajian mendapati ramai guru yang mempamerkan prestasi kerja yang meningkat kerana mempunyai keyakinan diri dan peningkatan kerja yang tinggi. Hasil kajian juga mendapati tahap ketidakpuasan hati secara amnya rendah terutama keadaan persekitaran kerja. Namun begitu, terdapat tahap kebimbangan yang tinggi mengenai pendapatan, kewangan, peluang pembangunan profesional kerana ia memberi kesan kepada kualiti pendidikan dalam jangka masa panjang biarpun mereka mendapat ganjaran, penghargaan dan pengiktirafan terhadap pekerjaan yang dilakukan.

Kajian dijalankan oleh (Akram, 2019), ke atas 437 guru di universiti awam dan swasta di Pakistan menggunakan kaedah persampelan pelbagai peringkat berdasarkan demografi seperti jantina, pengalaman dan kedudukan mereka dalam institusi pekerjaan mereka. Ia mendapati guru wanita mempunyai hubungan yang lebih positif dengan orang lain, lebih bertanggungjawab dan lebih bersikap profesional dalam memikul tanggungjawab berbanding guru lelaki. Beliau menggariskan enam skala kebahagiaan (*well being*) bagi guru iaitu autonomi (memilih untuk persekitaran kerja yang selesa), mempunyai persekitaran kerja yang baik, mempunyai hubungan yang positif dengan orang lain, mempunyai perkembangan peribadi yang baik, bersikap terbuka dan merasa puas hati, bahagia dan gembira dengan kehidupan yang dilalui. Pada keseluruhannya, autonomi dan bersikap positif adalah faktor yang boleh membawa kebahagiaan (*well being*) pada diri seseorang guru.

Terdapat kajian terdahulu yang dijalankan mengenai kebahagiaan tetapi tidak memasukkan elemen menurut perspektif Islam sebagai indikator, kerangka konsep kajian atau model kebahagiaan yang berorientasikan Islam (Nanum & Endah, 2018; Husna et.al, 2018; Abdul Rashid et.al, 2021). Kajian yang dijalankan oleh Nanum & Endah, 2018, menelusur ayat-ayat Al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan konsep kebahagiaan dalam Bahasa Arab. Hal ini termasuklah yang berkaitan dengan keimanan dan ketakwaan, penyucian jiwa, menyeru kepada

kebaikan dan melarang kemungkaran dan beberapa dapatan dalam Al-Quran tentang kebahagiaan. Hasil kajian Abdul Rashid et.al.(2021), pula membincangkan mengenai implikasi kemurungan dan langkah pencegahan yang terpilih seperti terapi psikospiritual. Kajian yang telah dijalankan oleh Ateerah & Lukman (2019), membincangkan mengenai tahap kefahaman kalangan Muslim mengenai kebahagiaan dan hasil kajian tersebut mencadangkan agar setiap Muslim didedahkan kepada konsep kebahagiaan dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup. Berdasarkan kajian tersebut, kajian ini akan membina elemen kebahagiaan yang mengaitkan keimanan dalam menghadapi setiap cabaran kehidupan yang sedikit berbeza dengan kajian yang dijalankan sebelum ini.

### Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif dipilih dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan terperinci yang kebanyakannya berbentuk penerokaan secara mendalam tentang sesuatu persoalan. Pendekatan kuantitatif iaitu tinjauan soal selidik yang akan diedarkan kepada responden yang terdiri dari kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) wanita yang mengajar sekolah rendah di Negeri Johor. Pemilihan negeri Johor ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang boleh mewakili keseluruhan GPI wanita ke atas hasil kajian ini. Pengkaji menjalankan kaedah soal selidik sebagai satu kaedah untuk menganalisis dan mengintepretasikan data. Responden akan menjawab setiap soalan secara sendiri dan maklumat akan dikira dalam bentuk min, melihat korelasi, Anova dan ujian-T. Ia dilakukan untuk mengetahui apakah elemen utama kebahagiaan Guru Pendidikan Islam Wanita, menganalisis faktor kepuasan kerja GPI wanita, mengkaji hubungan kebahagiaan terhadap kepuasan kerja seterusnya membina Indikator Kebahagiaan Guru Pendidikan Islam wanita terhadap kepuasan kerja menurut perspektif Islam. Bagi mendapatkan data yang mencapai ketinggian tahap kesahan, kebolehpercayaan, mencapai objektif, mudah ditadbir untuk memungut data yang baik dan tepat, sesuatu instrumen yang dibina itu mestilah mempunyai kekuatannya tersendiri (Najib, 2007, Cohen et.al.,2001). Penganalisan akan dilakukan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 0.25* serta menjalankan analisis bagi mendapatkan maklumat kajian iaitu dapatan dan perbincangan.

### Kajian Literatur

#### Definisi Kebahagiaan

Dalam al-Quran terdapat pelbagai istilah yang menggambarkan tentang maksud kebahagiaan. Antaranya ialah *sa'adah*, *salamah* dan *ni'ma*. Namun begitu maksudnya berbeza mengikut penggunaannya. Selain daripada itu, ia juga didefinisikan sebagai kesenangan, kelazatan, kemuliaan, kenikmatan, kegembiraan, kesejahteraan dan sebagainya. Ia juga boleh diertikan sebagai *al-hasanah*, *al-falah*, *al-farrah*, beruntung (فلاح), kesenangan (فصح) dan pelbagai lagi istilah yang menggambarkan tentangnya (Desi, 2019). Maksud lain bagi *al-saadah* ialah berasal dari perkataan *sa'ida* – *yas'du* – *su'ida* – *sa'aadatan* yang bermakna beruntung, berbahagia, hari baik, beruntung, kegembiraan dan keceriaan (Sofia & Sari, 2018). Menurut al-Ghazali (2003), kebahagiaan adalah kemampuan seseorang untuk memerangi hawa nafsu dan kehendak yang berlebih-lebihan kerana ia mempunyai hubungan yang erat dengan rohani. Konsep kebahagiaan pula mempunyai perspektif dan pandangan yang berbeza-beza. Menurut sarjana barat perkataan 'kebahagiaan' (*happiness*) disamakan dengan dengan perkataan 'baik' (*the good*) atau 'hidup yang bagus' (*the good life*) (Eddington & Shuman, 2005). Konsep Kebahagiaan juga adalah kesejahteraan material termasuklah kehidupan yang baik (*well-being*) dan kehidupan yang bermakna (*meaningful life*). (Nurochim dan Sit Ngaisah, 2020). Menurut

Diener et.al (2005), kebahagiaan merupakan konsep yang luas seperti emosi yang positif, pengalaman hidup yang menyenangkan, mempunyai emosi negatif yang rendah tetapi mempunyai kepuasan hidup yang tinggi. Seseorang yang bahagia akan melalui sebuah kehidupan yang menyenangkan, sentiasa bersikap positif, jarang mempunyai emosi negatif serta sentiasa mengutamakan dan mengolah kekuatan dalam kehidupan sehariannya (Diener et.al, 2005). Menurut Eddington & Shuman (2005), kebahagiaan bermaksud *happiness*, atau baik (*the good*), atau kehidupan yang bagus (*the good life*).


### Definisi Kepuasan Kerja

Kepuasan kerja pula bermaksud balasan dari hasil pekerjaan yang dilakukan tidak tertentu bentuknya sama ada berbentuk kewangan atau bukan kewangan. Apabila kepuasan kerja dapat dicapai, ia menjadikan pekerja lebih bersemangat terhadap pekerjaannya, penilaian prestasi dapat diurus dengan sempurna bersesuaian dengan tugas guru seterusnya akan menghasilkan prestasi yang lebih baik. Pekerjaan dalam Islam pula berasal dari perkataan Arab (*ʿamala dan kasb*) iaitu kerja atau usaha yang dilakukan oleh manusia. Menurut Islam kepuasan kerja akan dapat dicapai sekiranya terdapat keseimbangan antara kepuasan rohani dan jasmani.

### Elemen Kebahagiaan

Dalam kajian ini terdapat empat elemen kebahagiaan berdasarkan Konsep Kebahagiaan Al-Ghazali (1958) sebagaimana yang tertulis di dalam kitab karangannya *Kimiya Al-Saadah*, *Ihya'Ulumuddin* dan *Mizan Al-Amal* yang amat menitikberatkan kebahagiaan Muslim. *Al-Saadah* bermaksud penyerahan diri kepada Allah SWT dengan mentaati segala perintahnya dan menjauhi larangannya. Empat elemen yang dimaksudkan dalam Konsep Kebahagiaan al-Ghazali (1958), adalah kebijaksanaan (*hikmah*), keberanian (*syaja'ah*), pemeliharaan diri (*'iffah*) dan keseimbangan (*'adalah*). Kebijaksanaan (*hikmah*) merupakan kekuatan akal yang boleh membezakan dua perkara iaitu perkara yang benar atau salah (bohong), manakala keberanian (*syaja'ah*) ialah kekuatan nafsu amarah misalnya kebolehan menguruskan kemarahan dengan berhikmah di samping memberi kebaikan serta menunjukkan keberanian. Elemen pemeliharaan diri (*'iffah*) bermaksud kebolehan menguruskan nafsu dan sentiasa dalam lingkungan hikmah iaitu akal dan syarak. Seseorang yang tidak dapat mengawal nafsu menunjukkan seseorang itu lemah (al-Ghazali, 1958; Noraini, 2017). Bagi elemen keseimbangan (*'adalah*) pula ia bermaksud bagaimana seseorang itu mengawal nafsu berdasarkan akal dan syarak secara seimbang agar dengannya akan menghasilkan satu natijah iaitu ketenteraman dan kebahagiaan jiwa yang sebenar. Secara keseluruhannya, keempat-empat elemen mempunyai sumbangan dan kelebihan tersendiri yang boleh menyumbang kepada kebahagiaan Guru Pendidikan Islam wanita.


Ringkasan elemen bagi Konsep Kebahagiaan Al-Ghazali (1958) adalah sebagaimana di bawah:



Rajah 1 : Konsep Kebahagiaan Al-Ghazali (1958)

Bagi Teori Kepuasan Kerja Al-Ghazali (1976, 1980,1988) pula adalah terdiri dari elemen *Ruhiyyah* (roh), *Jasadiyah* (jasad), *Nafsiyah* (nafsu) dan *Áqliyah* (akal). Dalam teori ini, aspek fizikal dan spiritual digabungkan bagi menghasilkan kehidupan yang positif pada diri seseorang. Dari sudut kepuasan kerja, *Ruhiyyah* dilihat sebagai seorang pekerja mempunyai matlamat yang jelas dalam melaksanakan pekerjaannya. Hal ini menunjukkan pengabdian dan penyerahan diri kepada Allah SWT sepenuhnya yang melibatkan unsur dalaman seseorang yang bersifat fitrah. *Jasadiyah* (jasad) pula memberi maksud zat atau sifat fizikal seseorang yang terdiri dari unsur jasmani dan rohani yang boleh menggerakkan manusia melakukan aktiviti dengan sempurna. *Nafsiyah* (nafsu) pula memberi maksud himpunan perasaan manusia yang melibatkan unsur pergaulan sosial di mana sekiranya kegembiraan bertambah, maka hubungan yang baik akan terbina termasuklah pada pekerjaan yang dilakukan. Elemen *Áqliyah* (akal/intelek) pula bermaksud pengetahuan tentang hakikat segala hal dan kekuatan hati di mana Al-Ghazali menyatakan semakin tinggi ilmu yang diperolehi seseorang, semakin tinggilah keseronokan pada kehidupannya. Oleh itu, semua hal yang demikian akan menyumbang kepada kesejahteraan dan kepuasan kerja guru wanita kerana elemen yang tersebut itu meliputi unsur zahir dan batin (dalaman) yang tidak secara langsung membentuk peribadi seperti ikhlas dan tidak melanggar syariat Allah SWT.


Ringkasan elemen Teori Kepuasan Kerja Al-Ghazali (1976,1980,1988) adalah sebagaimana Rajah 2 di bawah :



Rajah 2 : Teori Kepuasan Kerja Al-Ghazali (1976,1980,1988)

### Kerangka Konseptual Indikator Kebahagiaan Guru Pendidikan Islam Wanita

Kerangka konseptual dalam kajian ini dibina dan diubahsuai berdasarkan elemen kebahagiaan yang disebutkan dalam Konsep Kebahagiaan Al-Ghazali (1958) dan Konsep Kebahagiaan (*As-Saadah*) Ibn Maskawaih (1952) yang bertunjang utama merujuk kepada al-Quran dan Sunnah. Kajian ini mendapati terdapat beberapa elemen yang boleh dijadikan ukuran atau indikator bagi menentukan kebahagiaan GPI wanita. Hasil dari gabungan unsur dan teori yang diketengahkan menghasilkan elemen keimanan, akhlak dan kepuasan kerja. Bagi elemen keimanan ia melibatkan ketenangan jiwa, ketaqwaan, ilmu dan amalan ketuhanan (*Ilahiyyah*). Bagi akhlak pula ia meliputi kepercayaan kepada Allah SWT dan ciri-ciri kekuatan diri sendiri, manakala bagi kepuasan hidup pula ia menghasilkan sikap keceriaan, optimis, amanah dan kejujuran. Kesemua elemen akan dihuraikan bagi memberi gambaran jelas mengenai kajian ini bagaimana GPI wanita boleh mengharungi setiap cabaran dan kerenah pekerjaan di samping mencari kebahagiaan ia memberi kepuasan terhadap pekerjaannya. Rajah 3 di bawah adalah kerangka konseptual bagi kajian ini.



Rajah 3: Kerangka Konseptual Indikator Kebahagiaan Guru Pendidikan Islam Wanita Terhadap Kepuasan Kerja Menurut Perspektif Islam

### Analisis Kajian

Kesahan berperanan sebagai ukuran bagi suatu kajian, yang bertujuan untuk mengukur atau menetapkan indikator sesuatu ciri yang diukur. Manakala kebolehpercayaan bermaksud ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran bagi suatu kajian soal selidik sama ada ukuran tersebut memberi jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama, responden yang sama dan populasi yang sama ( Sabitha, 2005; Kamarul Azmi, 2010). Oleh itu, apabila suatu dapatan ujian dijalankan dan ia konsisten dan mempunyai peratusan ralat yang rendah maka kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi (Ajmain, 2012). Kebolehpercayaan ditentukan mengikut nilai *Alpha Cronbach* dan mengikut ketetapan *Nunally dan Berstein* (1994). Jadual 1 di bawah menunjukkan dapatan nilai kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini.

**Jadual 1 : Dapatan Nilai Pekali Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach***

Item	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Kebahagiaan GPI Wanita	0.946 (Tinggi)
Kepuasan Kerja GPI Wanita	0.956 (Tinggi)
<b>Keseluruhan</b>	<b>0.965 (Tinggi)</b>

Dalam kajian ini, analisis *Alpha Cronbach* bagi setiap pemboleh ubah adalah sebagaimana jadual 2 di bawah :

**Jadual 2: Keputusan *Alpha Cronbach***

Pembolehubah	Alpha Cronbach	Jumlah Item	Kekuatan
<b>Kebahagiaan Menurut Imam Ghazali</b>		12	
Kebijaksanaan	0.973	3	Sangat Tinggi
Keberanian	0.717	3	Tinggi
Pemeliharaan Diri	0.949	3	Sangat Tinggi
Keseimbangan Hidup	0.810	3	Tinggi
<b>Kebahagiaan Menurut Ibn Maskawayh</b>		18	
Kebahagiaan	0.696	3	Tinggi
Kecantikan	0.820	3	Tinggi
Kemakmuran	0.882	3	Tinggi
Kejayaan	0.796	3	Tinggi
Kesempurnaan	0.833	3	Tinggi
Kesenangan	0.873	3	Tinggi
<b>Kebahagiaan Dari Sudut Keimanan</b>		12	
Ketenangan Jiwa	0.659	3	Tinggi
Ketakwaan	0.873	3	Tinggi
Ilmu Pengetahuan	0.854	3	Tinggi
Amalan Ketuhanan	0.745	3	Tinggi
<b>Kebahagiaan Dari Sudut Kepuasan Hidup</b>		12	
Keceriaan	0.875	3	Tinggi
Optimis	0.842	3	Tinggi
Amanah	0.841	3	Tinggi
Kejujuran	0.838	3	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>	<b>0.946</b>	<b>54</b>	<b>Sangat Tinggi</b>
<b>Kepuasan Kerja</b>	<b>0.956</b>	<b>16</b>	<b>Sangat Tinggi</b>
Ruhiyyah (Roh)	0.870	4	Tinggi
Jasadiyyah (Jasad)	0.893	4	Tinggi
Nafsiyyah (Nafs)	0.867	4	Tinggi
Aqliyah (Intelek)	0.884	4	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>	<b>0.965</b>	<b>70</b>	<b>Sangat Tinggi</b>



Berdasarkan kepada keputusan *Alpha Cronbach* yang dinyatakan, apabila nilainya melebihi 0.60 (Suhana, 2016, Hair et.al., 2007) atau 0.70 (Nunally, 1978), Krik (2001 dan Babbie (2009) iaitu 0.80 maka ia bertepatan dengan pengukuran yang diperlukan. Hasil yang diperolehi membuktikan tiada item yang perlu dikeluarkan sebagai elemen pemboleh ubah bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan untuk menjadi pengukuran kajian dianalisis dengan kaedah lain yang bersesuaian.

Kajian ini dijalankan bagi melihat beberapa objektif kajian yang berkaitan dengan kebahagiaan GPI wanita terhadap kepuasan kerja. Oleh itu, bagaimanakah elemen kebahagiaan dilihat sebagai faktor yang boleh menyumbang kepada kepuasan kerja GPI wanita. Analisis berikut adalah untuk menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu mengkaji hubungan kebahagiaan GPI wanita dan kepuasan kerja GPI wanita. Analisis ini menggunakan *Ujian Korelasi Pearson* bagi melihat dapatan objektif tersebut. Hasil dari maklumbalas dari responden, berikut adalah hasil analisis yang diperolehi.

### **Analisis Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai (SP) Elemen Kebahagiaan dan Kepuasan Kerja GPI Wanita**

Dapatan kajian bagi sisihan piawai (SP) adalah sebagaimana Jadual 3 di bawah :

**Jadual 3 : Analisis Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai (SP) Item Elemen Kebahagiaan**

<b>Elemen Kebahagiaan GPI Menurut Imam Syafie</b>				
<b>Item</b>	<b>Kebijaksanaan</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
K1	Saya harus bijak membahagi masa antara kerja di rumah dan di tempat kerja.	3.29	1.797	Tinggi
K2	Saya bersedia membantu untuk pembangunan agama dan negara.	3.26	1.300	Tinggi
K3	Saya harus bijak menyeimbangkan tekanan di tempat kerja dan di rumah.	3.26	1.656	Tinggi
<b>Item</b>	<b>Keberanian</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
K4	Saya bersedia membantu melakukan aktiviti membangunkan masyarakat dari segi rohani dan kebendaan.	3.24	1.306	Tinggi
K5	Saya bersedia menyumbang idea pentadbiran yang bernas terhadap organisasi.	3.22	1.351	Tinggi
K6	Dalam Islam, wanita dibenarkan melakukan perkara yang baik mengikut kesesuaian mereka berpandukan syariat.	4.61	0.489	Tinggi
<b>Item</b>	<b>Pemeliharaan Diri</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
K7	Saya wajib memelihara diri dari perkara yang boleh membawa kepada kemudaratan.	4.83	0.374	Tinggi
K8	Allah SWT akan memberi ganjaran pahala setiap perbuatan baik yang dilakukan oleh manusia	4.85	0.369	Tinggi

	terutama pemeliharaan diri dari perkara yang membawa kepada dosa.			
K9	Saya wajib menjaga akhlak dalam hubungan sesama manusia.	4.85	0.369	Tinggi
<b>Item</b>	<b>Keseimbangan Hidup</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
K10	Wanita yang berumahtangga dan berkerjaya mesti menyeimbangkan antara keduanya apabila memilih untuk bekerja.	4.76	0.433	Tinggi
K11	Wanita yang bahagia adalah yang hidup sederhana, dan berjiwa tenang.	4.62	0.527	Tinggi
K12	Wanita yang seimbang emosi dan jiwanya akan merasa redha dan sentiasa bersyukur atas nikmat yang diberi.	4.69	0.468	Tinggi

Merujuk kepada data analisis dapatan kajian dari responden menunjukkan elemen pemeliharaan diri dan keseimbangan hidup mencatatkan skor tertinggi. Elemen tersebut meliputi penjagaan akhlak dalam kalangan GPI wanita ketika menjalankan tugas dan ketika berada di luar rumah. Pemeliharaan diri yang sempurna akan mengelakkan daripada berlakunya perkara yang boleh membawa kepada fitnah dan kemaksiatan kerana setiap perbuatan yang baik akan diberi ganjaran pahala oleh Allah SWT.

#### **Analisis Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai (SP) Keseluruhan Item Elemen Kepuasan Kerja**

Dapatan kajian bagi sisihan piawai (SP) adalah sebagaimana Jadual 4 di bawah:

**Jadual 4 : Analisis Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai (SP) Item Elemen Kepuasan Kerja**

<b>Elemen Kepuasan Kerja</b>				
<b>Item</b>	<b>Ruhiah</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
P1	Saya menikmati kepuasan kerja kerana saya tahu ia adalah satu ibadah.	4.54	0.505	Tinggi
P2	Saya melakukan kerja dengan niat mendapat keredaan Allah SWT.	4.71	0.455	Tinggi
P3	Kepuasan kerja untuk mencapai keredaan pendekatan diri (Taqarrub) pada Allah SWT, ikhlas, takut kepada dosa menghasilkan kepuasan instrinsik (berfikiran sebagai orang Islam).	4.67	0.471	Tinggi
P4	Saya merasakan kerja saya dapat menghampirkan diri kepada Allah SWT.	4.66	0.482	Tinggi
<b>Item</b>	<b>Jasadiyah</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
P5	Saya merasa kepuasan bekerja apabila menghasilkan prestasi yang baik.	4.57	0.525	Tinggi

P6	Saya berpuashati dengan gaji dan pangkat pada masa ini.	4.40	0.537	Tinggi
P7	Saya dapat memenuhi keperluan makan dan minum dengan kerja yang saya lakukan.	4.57	0.500	Tinggi
P8	Apabila kepuasan kerja dapat dicapai akan dapat menghasilkan prestasi yang lebih baik.	4.57	0.501	Tinggi
<b>Item</b>	<b>Nafsiyah</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
P9	Saya boleh melaksanakan tugas saya di sekolah dengan baik.	4.42	0.512	Tinggi
P10	Hubungan yang baik dengan majikan akan memberi kegembiraan dan kepuasan dalam pekerjaan.	4.59	0.499	Tinggi
P11	Saya memahami serta bersetuju tentang polisi pendidikan negara	4.34	0.511	Tinggi
P12	Bagi mencapai kepuasan diri, iman menjadi tunjang kepada perbuatan yang dilakukan.	4.60	0.491	Tinggi
<b>Item</b>	<b>Aqliyah</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
P13	Saya seorang yang berfikiran rasional dan positif.	<b>4.48</b>	<b>0.512</b>	Tinggi
P14	Kepuasan kerja boleh dicapai dengan adanya pengiktirafan kepada intelektual dan keilmuan melalui syura, perbincangan dan pembuatan keputusan.	<b>4.44</b>	<b>0.526</b>	Tinggi
P15	Saya suka melakukan aktiviti yang merangsang akal seperti membaca dan menghadiri sesi perbincangan atau seminar.	<b>4.35</b>	<b>0.530</b>	Tinggi
<b>P16</b>	Akal manusia dapat membezakan antara kebaikan dengan sifat yang buruk.	<b>4.62</b>	<b>0.492</b>	Tinggi

Berdasarkan kepada dapatan kajian bagi kepuasan kerja GPI wanita, elemen *Ruhiyyah* dan *Nafsiyah* menunjukkan dapatan skor tertinggi. Ini memberi petunjuk bahawa GPI wanita amat mementingkan kesihatan mental dan fizikal untuk menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih berkualiti. Di samping itu juga kekuatan dalaman amat penting terutama yang berkaitan dengan amalan spiritual yang membentuk jiwa yang tenang dan membawa kepada kepuasan dalam pekerjaan. Hubungan yang baik juga boleh membentuk perasaan gembira dan ceria menjalankan setiap pekerjaan yang diamanahkan.

## Hubungan Antara Kebahagiaan GPI Wanita dan Kepuasan Kerja

**Jadual 5: Hubungan Antara Kebahagiaan GPI Wanita dan Kepuasan Kerja**

Pembolehubah	Kepuasan Kerja Guru	
	r	p
Kebahagiaan	.505**	.000

\*\* Siginifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Jadual 5 menunjukkan nilai korelasi antara kebahagiaan GPI wanita dan kepuasan kerja guru yang menjadi matlamat dalam kajian ini. Nilai signifikansi bagi korelasi tersebut adalah 0.000. Merujuk kepada jadual analisis yang diperolehi, kekuatan hubungan antara kebahagiaan GPI wanita dan kepuasan kerja mempunyai nilai ( $r$ ) yang diperolehi adalah 0.505. Apabila pekali korelasi ( $r$ ) positif ia menunjukkan hubungan diantara kedua elemen adalah signifikan dan mempunyai hubungan langsung. Ini menunjukkan bahawa kebahagiaan boleh dipengaruhi oleh kepuasan dalam melakukan pekerjaan seterusnya memberi kebaikan terhadap sesuatu institusi pekerjaan.

### Rumusan dan cadangan

Hasil daripada analisis kajian menunjukkan bahawa objektif kajian yang digariskan telah dapat dijawab dan membuktikan bahawa elemen Kebahagiaan GPI wanita diterima oleh setiap pendidik boleh menjadi panduan kepada Kepuasan kerja guru. Elemen yang berkaitan bagi Kebahagiaan GPI wanita serta elemen Kepuasan Kerja guru adalah menjadi pendorong kepada Kepuasan dalam pekerjaan dan pencapaian prestasi yang cemerlang. Elemen yang membina indikator kajian ini boleh diaplikasikan dan diamalkan oleh setiap warga Guru Pendidikan Islam khususnya dan agensi yang lain amnya. Asas tauhid seperti al-Quran dan Sunnah juga sesuai dijadikan panduan berdasarkan kepada amalan-amalan yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W dalam menyampaikan sesuatu ilmu tanpa mengenyepikan budaya Islamik dalam pendidikan.

Elemen keseimbangan adalah yang tertinggi direkodkan iaitu wanita berumah tangga dan berkerjaya mesti menyeimbangkan antara keduanya apabila memilih untuk bekerja. Selain daripada itu, wanita yang bahagia adalah yang hidup sederhana dan berjiwa tenang, manakala wanita yang seimbang emosi dan jiwanya akan merasa redha dan setiasa bersyukur atas nikmat yang diberi. Tahap persetujuan responden menunjukkan Keseimbangan emosi yang mapan akan melahirkan guru yang berketrampilan menjalankan tugasnya di samping kepuasan kerja yang memberangsangkan sekiranya guru menyedari persekitaran bertugas yang sihat akan menyumbang kepada kecemerlangan kerjaya. Terdapat hubungan yang signifikan di antara Kebahagiaan GPI wanita dengan kepuasan kerja guru. Merujuk kepada dapatan analisis tersebut, ia didapati menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu untuk melihat adakah terdapat hubungan diantara kedua-dua pembolehubah tersebut bagi melengkapkan kajian disamping pembentukan indikator Kebahagiaan GPI wanita serta organisasi pendidikan yang lain. Analisis dapatan kajian juga menunjukkan bahawa elemen kebahagiaan melengkapi faktor Kepuasan kerja guru dengan menjadikan asas tauhid seperti al-Quran dan sunnah juga sebagai asas utama kajian ini.

## Penutup

Dapatan kajian membuktikan bahawa elemen Kebahagiaan GPI wanita merupakan indikator yang direka untuk meningkatkan kepuasan kerja individu, kumpulan dan organisasi. Kepuasan kerja yang dimaksudkan adalah dilihat perubahannya sama ada ia bertambah baik atau sebaliknya, namun ia boleh diukur dengan melihat kepada pengetahuan, kemahiran, sikap dan kelakuan sosial seseorang itu. Di dalam kajian ini, fokus utama adalah guru yang menjalankan tugasnya di sekolah dan adakah dengan menjadikan indikator yang dibina ini akan membawa kepada perubahan dan peningkatan Kepuasan kerjanya. Indikator ini bertujuan untuk membantu GPI wanita dan wanita lain yang bekerja sebagai panduan dan amalan untuk pembangunan jangka masa panjang dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan kemampuan umum secara langsung atau sebaliknya. Keberkesanan indikator yang diamalkan oleh guru kebiasaannya akan memberi kesan yang positif terhadap individu dan pihak pengurusan organisasi dan menjadikan guru lebih kompetitif dan berkesan dalam menjalankan tugas.

## Rujukan

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Anita Abdul Rani, Umi Hamidaton Soffian Lee, Muhd Khairi Mahyuddin, Imaduddin Abidin, Mohd Suhardi Mat Jusoh (2021). *Konsep dan Perspektif Tauhidik Dlam Meningkatkan Kebahagiaan Kendiri*. International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC) Issue 10, Vol 1 March 2021. pp 64-79
- Akram, M. (2019). Psychological Well-being of University Teachers in Pakistan. *Journal of Education and Educational Development*, 6(2), 235–253. <https://doi.org/10.22555/joeeed.v6i2.2473>
- Al-Ghazali (1962). *The Book of Knowledge*. Terj. Nabih Amin Faris. Lahore.
- Al-Ghazali (1989). *Mizan al-'Amal. Bab Ghayat al-Saadah Wa Maratibuha*. Beirut: Dar-al-Kutub al-'Ilmiyah, hlmn 104.
- Ateerah, A. ., & Lukman, Z. . (2019). *Happiness Instrument Development*. International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS), III(IV), 288–292.
- Assaf, J., & Antoun, S. (2024). Impact of job satisfaction on teacher well-being and education quality. *Pedagogical Research*, 9(3), em0204. <https://doi.org/10.29333/pr/14437>
- Diener, E. (2005). *Understanding scores on the satisfaction with life scale*. Diener, E. et al. (2009). *New measures of well-being: Flourishing and positive and negative feelings*. *Social Indicators Research*, 39, 247-266.
- Eddington, N., & Shuman, R (2005). *Subjective Well-Being (happiness)*. *Continuing Psychology Education*. ISSN: 2320-5407
- Erozkan, A., Dogan, U., & Adiguzel, A. (2016). Self-efficacy , Self-esteem , and Subjective Happiness of Teacher Candidates at the Pedagogical Formation Certificate Program. *Journal of Education and Training Studies*, 4(8), 72–82. <https://doi.org/10.11114/jets.v4i8.1535>
- Ibn Miskawayh. (1968). *The refinement of character*. A translation from the Arabic of Ahmad Miskawayh's *Tahdhib al-akhlaq*, by Constantine K. Zurayk. Beirut: American University of Beirut.
- Ibn Miskawayh. (1977). *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat
- Kartini Wan Mat, Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2020). *Analisis Instrumen Pengukuran Kebahagiaan Guru: Sorotan Literatur Bersistematis*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 10, (page 184 - 199), 2020 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i10.514>
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab.Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2012). *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Journal of Islamic & Arabic Education 3 (1) Hlmn 59-74.
- Nanum Sofia Endah Puspita Sari (2018). *Indikator Kebahagiaan (al-Saadah) Dalam Perspektif al-Quran dan Hadis*. PSIKOLOGIKA: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi Volume 23 Nomor 2, Juli 2018: 91-108 DOI:10.20885/psikologika.vol23.iss2.art2 E-ISSN: 2579-6518 P-ISSN: 1410-1289
- Noraini Junoh. (2017). *Perbandingan konsep al- Sa'adah menurut al-Ghazali dan al-Dihlawi*. Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, 269–276.
- Nunally J.C (1978). *Psychometric Theory*. New York: Mc.Graw Hill Publication.
- Suhana Abdul Hamid (2016), *Kepimpinan Organisasi Pendidikan Berasaskan Syura Menurut Perspektif Islam*. Thesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.